



GP2

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN

**JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

2018

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.0	TUJUAN	2
2.0	SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN	2 - 4
3.0	SYARAT-SYARAT TEKNIKAL PELAN JALAN & PERPARITAN	4 - 15
3.1	PELAN JALAN DAN SISTEM PERPARITAN	4 - 17
3.2	PELAN PEMBENTUNG PINTU MASUK	18
3.3	PELAN JAMBATAN	19
3.4	TANDA JALAN DAN PAPAN TANDA ARAH	20 - 23
3.5	PELAN LALUAN UTILITI	23 - 25
3.6	SISTEM PENGURUSAN AIR HUJAN	25-
3.6.1	ON-SITE STORMWATER DETENTION (OSD)	25 - 27
3.6.2	KOLAM TAKUNGAN BANJIR	27 - 29
3.6.3	SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (RAINWATER HAVERSTING)	30
3.7	PERPARITAN INDUK/SUNGAI	31 - 32
	LAMPIRAN A - SENARAI SEMAK A3	33 - 34
	LAMPIRAN B - BORANG JPIF 1	35 - 36
	LAMPIRAN C - BORANG JPIF 3	37 - 38

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Jalan Dan Perparitan 2018 ini disediakan bertujuan untuk menyeragamkan semua kehendak-kehendak DBKL semasa memproses Pelan Jalan Dan Perparitan.
- 1.2 Panduan kepada Jurutera Perunding Pemaju untuk merekabentuk dan menyediakan Pelan Jalan Dan Perparitan serta menjadi panduan kepada kakitangan teknikal DBKL untuk memproses dan meluluskan Pelan Jalan dan Perparitan.
- 1.3 Garis Panduan ini juga adalah untuk memperjelaskan maksud yang terkandung dalam Akta Jalan , Parit dan Bangunan 1974 serta Arahan Teknik Jalan (ATJ) berhubung dengan kehendak teknikal jalan dan Perparitan

2.0 SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh Jurutera Perunding melalui Kaunter Urusetia Pusat Setempat (OSC), DBKL.(Sila rujuk senarai semak permohonan - Lampiran A)
- 2.2 Sesalinan Laporan Teknikal bagi permohonan Kelulusan Jalan Perparitan dalam bentuk **hard copy** dan **soft copy (CD)** beserta pelan - pelan permohonan dalam bentuk format pdf dan *.format dwg AutoCAD.
- 2.3 3 set pelan yang lengkap perlu dikemukakan bagi setiap permohonan kelulusan Jalan Perparitan (diwarnakan).
- 2.4 Sesalinan Perintah Pembangunan dan Salinan Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (KM).
- 2.5 1 Set Pelan ukur yang menunjukkan Kontur dan butiran jelas keadaan asal muka bumi seluas kawasan tadahan atau sub tadahan termasuk kawasan tadahan di luar tapak cadangan yang air lariannya memasuki tapak cadangan untuk tujuan perkiraan hidrologi untuk rekabentuk perparitan. Jurutera Perunding perlu mengenalpasti kawasan tadahan yang terlibat.Pelan ukur hendaklah ditandatangani oleh Jurukur Berlesen.
- 2.6 Surat kebenaran atau persetujuan dari agensi yang terlibat seperti LLM, TNB, JPS, SPAD, Individu perseorangan dan sebagainya sekiranya rekabentuk jalan dan perparitan melibatkan kawasan agensi dan individu.
- 2.7 Pembangunan di tepi rezab lebuh raya melibatkan cadangan baru atau menaiktaraf akses keluar masuk ke rezab lebuh raya hendaklah mendapatkan ulasan dan kebenaran daripada pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 2.8 Sesalinal surat kebenaran daripada pemilik lot/tuan tanah diselesaikan di peringkat Kebenaran Merancang dan mengemukakan bukti kebenaran dan isu-isu pengambilan tanah diselesaikan sekiranya jalan dan sistem perparitan melalui lot-lot persendirian.
- 2.9 Pelan Jalan Perparitan yang dikemukakan hendaklah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:
- a) Pelan Cadangan Jalan Baru/Menaiktaraf Jalan Sediaada/ Pelebaran Jalan & Sistem Perparitan,
 - b) Pelan Pembetung Pintu Masuk,
 - c) Pelan Tanda Arah Jalan & Papan Tanda Jalan,
 - d) Pelan Laluan Utiliti (Bagi rezab jalan 66 kaki ke atas),
 - e) Pelan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPA).
- 2.10 Laporan Teknikal yang perlu dikemukakan bersama permohonan sekiranya terlibat :
- a) Laporan Nilai Kesan Lalulintas (TIA)
 - b) Laporan Road Safety Audit (RSA) Stage 3 Sekiranya terlibat dengan keperluan TIA
 - c) Traffic Management Plan dengan salinan soft copy (sekiranya terlibat)
 - d) Laporan Jurutera perunding Bebas untuk struktur/jambatan/geoteknik (sekiranya terlibat)
 - e) Laporan Pengiraan Hidraulik & Hidrologi untuk kawasan terlibat yang menyumbang kepada sistem saliran sediaada
 - f) Laporan penilaian masalah / isu-isu setempat (Social Impact Assesment) dan pengesyoran oleh Jurutera Perunding (sekiranya terlibat).
- 2.11 Borang JPIF 1 dan 3 yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh Jurutera Perunding hendaklah disertakan bersama-sama dengan pelan-pelan yang dikemukakan untuk kelulusan. (rujuk Lampiran B & C)
- 2.12 Kesemua pelan - pelan dan laporan teknikal yang dikemukakan perlu disahkan oleh Jurutera Perunding Professional dengan diperakukan seperti berikut :

I hereby certify that these works have been designed by me in accordance with sound engineering practice and that I take full responsibility for the design and proper performance of the same.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

2.11 Pada helaian pertama pelan tapak perlu disertakan maklumat seperti jadual dibawah dan maklumat tersebut juga hendaklah selaras dengan maklumat di dalam laporan teknikal :

Jadual A


REZAB JALAN (mm)	LEBAR MEDIAN (mm)	LEBAR JALAN (mm)	KAWASAN HIJAU (mm)	SIARKAKI/SLAB LONGKANG (mm)	LALUAN BASIKAL (jika ada)

Jadual B

REZAB JALAN (mm)	SAND BEDDING (mm)	CRUSHER RUN (mm)	BINDER COURSE (mm)	WEARING COURSE (mm)

3.0 SYARAT-SYARAT TEKNIKAL PELAN JALAN & PERPARITAN


3.1 PELAN JALAN DAN SISTEM PERPARITAN



3.1.1 Pelan lokasi hendaklah ditunjukkan dengan jelas termasuk nama jalan yang berhampiran dengannya.


GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018


- 3.1.2 Skala bagi pelan tapak adalah samada 1:250 / 1:500 / 1:750 / 1:1000 sahaja.
- 3.1.3 Pelan tapak hendaklah selaras dengan Pelan Perintah Pembangunan dan juga pelan layout TIA dengan menunjukkan sempadan baru dan lama serta kawasan serahan jalan/parit.
- 3.1.4 Rekabentuk rezab jalan hendaklah mematuhi hairaki Kelebaran Rezab Jalan DBKL iaitu mengikut piawaian lebar 20', 40', 50', 66', 80',100',132' dan jalan servis.
- 3.1.5 'Cul-de-sac' hendaklah diturap sepenuhnya iaitu dari longkang ke longkang. Siarkaki tidak perlu dicadangkan disini.
- 3.1.6 'Acceleration lane' / 'Deceleration lane' yang mencukupi hendaklah dicadangkan dan dihubungkan dengan jalan sedia ada. Butir-butir bagi tanda-tanda jalan (Road Marking) untuk 'Acceleration lane' / 'Deceleration lane' tersebut hendaklah mengikut piawaian semasa yang ditetapkan seperti Arahan Teknik JKR yang terkini.
- 3.1.7 Lampu isyarat jalan hendaklah disediakan di kawasan persimpangan utama di jalan-jalan utama mengikut rekabentuk keperluan lalulintas dan pelan-pelan terperinci hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar.
- 3.1.8 'Kerb' di persimpangan dua jalan utama hendaklah menggunakan 'horizontal curve' 35 kaki radius. Corner splay (potongan sudut) mengikut rezab jalan.







GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.1.9 Aras laras cadangan jalan baru hendaklah diselaraskan dengan jalan sediaada dan disahkan dengan perkataan '*The finished level of the proposed roads and platform levels proposed are such that it will permit connection to adjoining existing or future roads*' di dalam pelan.
- 3.1.10 Cerun yang dicadangkan hendaklah didalam lot pembangunan dan tidak dibenarkan berada dalam rezab jalan awam.
- 3.1.11 Garisan sempadan mesti ditunjukkan didalam setiap gambarajah dan pelan keratan rentas.
- 3.1.12 Pelan-pelan keratan rentas / keratan memanjang untuk kerja-kerja jalan dan perparitan perlu dikemukakan (min 4 keratan).
- 3.1.13 Semua bebendul konkrit jalan yang dicadangkan hendaklah mengikut jenis kegunaan dan diselaraskan dengan kerb sediaada seperti gambarajah berikut:





1	JENIS	KEGUNAAN
 <p style="text-align: center;">TYPE B</p>	<p>Extruded Kerb (Type B)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Tiada laluan larian air permukaan ● Digunakan khusus untuk lorong jalan keluar masuk ● Digunakan bagi jalan keluar masuk di lebuhraya termasuk di kawasan perhentian dan rehat ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	

2	JENIS	KEGUNAAN
 <p style="text-align: center;">TYPE B-1 BARRIER KERBS</p>	<p>Extruded Kerb (Type B - 1)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Digunakan khusus untuk lorong jalan keluar masuk ● Digunakan bagi jalan keluar masuk di lebuhraya termasuk di kawasan perhentian dan rehat ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	





GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

3	JENIS	KEGUNAAN
 <p>TYPE SM</p>	<p>Extruded Kerb (Type SM)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan hampir datar ● Tiada laluan larian air permukaan ● Dibina disepanjang jalan dikawasan perumahan ● Mudah untuk kenderaan naik kebahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	
 <p>TYPE SM-1 SEMI MOUNTAIN KERBS</p>	<p>Extruded Kerb (Type SM-1)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan hampir datar ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dibina disepanjang jalan dikawasan perumahan ● Mudah untuk kenderaan naik kebahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	
 <p>EXTRUDED KERB (2 -TIER)</p>	<p>Extruded Kerb (2 Tier)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Digunakan di laluan melebihi 2 lorong sehala ● Digunakan di pembahagi jalan sebagai penghadang jalan dan 'Planter Box' ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	
 <p>EXTRUDED KERB (3 -TIER)</p>	<p>Extruded Kerb (3 Tier)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Digunakan di laluan 3 lorong sehala atau lebih ● Digunakan di pembahagi jalan sebagai penghadang jalan dan 'Planter Box' ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker' 	






GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

7	JENIS	KEGUNAAN
	 <p>SEMI MOUNTABLE KERB (TYPE I)</p>	<p>Semi Mountable Kerb (Type I)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan hampir landai ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dibina disepanjang jalan di kawasan perumahan ● Memudahkan kenderaan naik ke bahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
8	 <p>SEMI MOUNTABLE KERB (TYPE II)</p>	<p>Semi Mountable Kerb (Type II)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan hampir landai ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dibina disepanjang jalan di kawasan perumahan ● Memudahkan kenderaan naik ke bahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
9	 <p>SEMI MOUNTABLE KERB (TYPE III)</p>	<p>Semi Mountable Kerb (Type III)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan mendatar ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Tujuan pembahagi laluan kenderaan ● Dibina dilaluan Lintasan Pejalan Kaki dan Lintasan Kenderaan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
10	 <p>TYPE I</p>	<p>Extruded Kerb (Type I)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018





<p>11 JENIS</p>  <p style="text-align: center;">TYPE II</p>	<p style="text-align: center;">KEGUNAAN</p> <p>Extruded Kerb (Type II)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Tiada laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
<p>12 JENIS</p>  <p style="text-align: center;">TYPE III</p>	<p style="text-align: center;">KEGUNAAN</p> <p>Extruded Kerb (Type III)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rekabentuk rendah dan hampir datar ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Untuk pembahagi di laluan kenderaan ● Dibina di laluan Lintasan Pejalan Kaki dan Lintasan Kenderaan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
<p>13 JENIS</p>  <p style="text-align: center;">TYPE IV</p>	<p style="text-align: center;">KEGUNAAN</p> <p>Extruded Kerb (Type IV)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Konkrit gred 30 (Insitu - Raedy Mix) menggunakan mesin 'Kerbmaker'
<p>14 JENIS</p> 	<p style="text-align: center;">KEGUNAAN</p> <p>MI Kerb (300mm) with Channel Block</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Pemasangan secara konvensional ● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018


<p>15 JENIS</p> 	<p>KEGUNAAN</p> <p>MI Kerb (300mm)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Tiada laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Pemasangan secara konvensional ● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10
<p>16 JENIS</p> 	<p>KEGUNAAN</p> <p>MI Kerb (225mm) with Channel Block</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Pemasangan secara konvensional ● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10
<p>17 JENIS</p> 	<p>KEGUNAAN</p> <p>MI Kerb (225mm)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Tiada laluan larian air permukaan ● Dilokasi untuk menghindar perletakan kenderaan di bahu jalan ● Pemasangan secara konvensional ● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10
<p>18 JENIS & KEGUNAAN</p> <p>Straight Kerb with Channel Slab</p>  <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Menyediakan laluan larian air permukaan ● Digunakan dipembahagi jalan ● Pemasangan secara konvensional <p>● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10</p>	<p>19 JENIS & KEGUNAAN</p> <p>Straight Kerb</p>  <ul style="list-style-type: none"> ● Dinding tegak dan cerun sedikit ● Tiada laluan larian air permukaan ● Digunakan dipembahagi jalan ● Pemasangan secara konvensional <p>● Blok-blok konkrit pra-tuang gred 50 dengan tetulang 4 x A10</p>

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.1.14 'Catch pit' tepi jalan disediakan bersama 'Galvanised Iron Grating' bersaiz 610mm x 250mm pada sela 6 meter.
- 3.1.15 'Outlet pipe' hendaklah dibina daripada paip konkrit 225mm dengan disalut konkrit 100mm sekelilingnya dan ditempatkan pada sela 6m atau pada tempat-tempat yang difikirkan bersesuaian dengan cerun 1:40 bersama dengan pemasangan 'catch pit'.




- 3.1.16 Siarkaki berpermukaan jenis concrete (wire brush / broom finish) atau seumpama dengannya hendaklah dicadangkan di dalam semua skim pembangunan baru dan butir-butir binaannya hendaklah dikemukakan.
- 3.1.17 Siarkaki hendaklah menggunakan konkrit gred 25 "ready-mix" beserta 2 lapisan BRC A8 dengan ketebalan minima 150mm. Kemasan hendaklah seperti dalam gambarajah dibawah:



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.1.18 Kesemua cadangan 'sump' untuk siarkaki hendaklah ditutupi dengan menggunakan 'Precast Compressed Concrete Slab' (PCC Slab), bersaiz 600mm x 395mm x 2 no bersama dengan 'cast-in-situ slab'.
- 3.1.19 Siarkaki disediakan lubang pemeriksaan dengan 'PCC Slab' bersaiz 600mm x 395mm x 1no (minimum) pada sela 6 meter.



TECHNICAL SPECIFICATION


SIZE : 600mm x 395mm
THICKNESS : 50mm
COLOUR : GREY WHITE
WEIGHT : 28kg/pc
AREA COVERAGE : 0.25m.sq
CONCRETE GRADE : 1:1:2

TECHNICAL SPECIFICATION

OVERALL SIZE : 610mm x 405mm
SIZE ANGLE BAR : 50mm x 50mm
x 5mm THICK

DESIGN ACCORDANCE TO BS EN 124:1994
GULLY TOPS & MANHOLE FOR VEHICULAR
& PEDESTRIAN AREAS

SINGLE SLAB 600mm x 395mm



TECHNICAL SPECIFICATION

SIZE : 600mm x 800mm
THICKNESS : 50mm
COLOUR : GREY WHITE
WEIGHT : 28kg/pc x 2 pcs
AREA COVERAGE : 0.50m.sq
CONCRETE GRADE : 1:1:2
TESTED TO 7 TON


TECHNICAL SPECIFICATION

OVERALL SIZE : 610mm x 810mm
SIZE ANGLE BAR : 50mm x 50mm
x 5mm THICK

DESIGN ACCORDANCE TO BS EN 124:1994
GULLY TOPS & MANHOLE FOR VEHICULAR
& PEDESTRIAN AREAS


TWIN SLAB 600mm x 800mm

- 3.1.20 Kemudahan (OKU) hendaklah disediakan di atas siarkaki baru mengikut MS 1331 : 2003 (contohnya 'Guiding Block', 'Drop Kerb' dan lain-lain).



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.1.29 Tebal konkrit asas longkang hendaklah sekurang-kurangnya 6”(150mm) tebal.
- 3.1.30 Semua longkang tepi jalan yang dibina baru dan yang sedia ada terbuka hendaklah ditutupkan dengan 'cast-in-situ slab' setebal 4”(100mm) (min).



- 3.1.31 Lokasi kedudukan tiang lampu jalan, lampu isyarat, feeder pillar controller box dan jenis-jenis sistem yang dicadangkan. Cadangan struktur hendaklah tidak menghalang laluan pejalan kaki dan merujuk pelan.
- 3.1.32 Rekabentuk untuk Rezab Jalan merujuk Jadual 3.1 DBKL hendaklah berdasarkan Jadual 3.1 dan 3.2 seperti berikut:

Jadual 3.1 : Dimensi Pelan Keratan Jalan

Rezab Jalan	Lebar 'Median'	Lebar Jalan	Longkang + Siarkaki/Kawasan Hijau
40' - 0" (12192mm)	-	28' - 0" (8400mm)	2 x 3' - 0" / 2 x 3' - 0" 2x (914mm) / 2x (914mm)
50' - 0" (15240mm)	-	38' - 0" (11400mm)	2 x 4' - 0" / 2 x 2' - 0" (2 x 1220mm/2 x 610mm)
66' - 0" (20117mm)	-	40' - 0" (12192mm)	2 x 6' - 0" / 2 x 7' - 0" (2 x 1829mm/ 2 x 2100)
80' - 0" (24384mm)	8' - 0" (2438mm)	2 x 22' - 0" 2 x (6706mm)	2 x 7' - 0" / 2 x 7' - 0" (2 x 2100mm / 2 x 2100mm)
100' - 0" (30480mm)	15' - 0" (4572mm)	2 x 24' - 0" 2 x (7315mm)	2 x 8' - 0" / 2 x 10' - 6" (2 x 2438mm / 2 x 3200mm)
132' - 0" (40233mm)	15' - 0" (4572mm)	2 x 36' - 0" 2 x (10972mm)	2 x 11' - 6" / 2 x 10' - 0" (2 x 3535mm / 2 x 3200mm)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

Jadual 3.2 : Dimensi Pelan Keratan Jalan

Rezab Jalan	Lebar Jalan (carriageway)	'Sand Bedding' (mm)	'Crusher Run' (mm)	'Binder Course' (mm)	'Wearing Course' (mm)
20'	14'	50	300	40	50
40'	24'	100	300	50	50
50'	20'/28'	100	300	50	50
66'	40'	100	450	50	60
80'	2 x 22'	100	450	50	60
100'	2 x 24'	100	450	50	60
132'	2 x 36'	100	450	50	60


Jadual 3.3 : Dimensi Pelan Corner Splay (Potongan Sudut)

WIDTH	40'	50'	66'	80'	100'	132'
40'	15' x 15'	20' x 20'	25' x 25'	30' x 30'	30' x 30'	35' x 35'
50'	20' x 20'	20' x 20'	25' x 25'	30' x 30'	30' x 30'	35' x 35'
66'	25' x 25'	25' x 25'	25' x 25'	30' x 30'	30' x 30'	35' x 35'
80'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	35' x 35'
100'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	30' x 30'	35' x 35'
132'	35' x 35'	35' x 35'	35' x 35'	35' x 35'	35' x 35'	35' x 35'


90° (m)	90° (ft)	Potongan sudut (m)	Potongan sudut (ft)
4.57 x 4.57	15 x 15	6.46	21' 20"
6.10 x 6.10	20 x 20	8.63	28' 32"
7.62 x 7.62	25 x 25	10.78	35' 37"
9.14 x 9.14	30 x 30	12.93	42' 42"
10.67 x 10.67	35 x 35	15.09	50' 00"

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARTITAN 2018


3.1.32 Pelan keratan rentas hendaklah mengikut mengikut gambarajah dibawah :



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018



TYPICAL SECTION OF 100' (30480mm) ROAD RESERVE



TYPICAL SECTION OF 132' (40233mm) ROAD RESERVE

- 3.1.33 Rekabentuk Permukaan lapisan jalan (wearing course) bagi jalan-jalan protokol di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur hendaklah dicadangkan turapan dari jenis SMA (Stone Mastic Asphalt).
- 3.1.34 Cadangan dan kerja-kerja pembinaan jalan hendaklah mematuhi spesifikasi piawai pembinaan jalan seperti terkandung dalam Standard Specification Of Road Works (JKR/SPJ/2008-S4) dan Arahan Teknik Jalan (ATJ).

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

3.2 PELAN PEMBETUNG PINTU MASUK

- 3.2.1 Pelan pembentung pintu masuk adalah pelan yang menunjukkan bahagian laluan keluar/masuk ke tapak pembangunan merangkumi laluan utama dan laluan servis. Pelan hendaklah ditunjukkan dengan jelas termasuk kelebaran dan rekabentuk selaras dengan pelan Perintah Pembangunan yang telah diluluskan.
- 3.2.2 Dinding batu-bata berukuran 9"(225mm) tebal hendaklah dibina kepada ketinggian maksima 3'6"(1050mm) dan ditambah menjadi 13½"(350mm) bagi ketinggian melebihi 3'6"(1050mm) tetapi tidak melebihi 5'0"(1500mm).
- 3.2.3 Bahagian jalan masuk yang menghubungkan 'slab culvert' pintu masuk dan jalan sedia ada hendaklah dibina daripada 3"(75mm) 'premix' diatas 12"(300mm) batu 'crusher run'.
- 3.2.4 Bahagian teratas 'slab culvert' pintu masuk hendaklah dibina rata dan separas dengan bahagian jalan dalam rezab jalan.
- 3.2.5 Perunding dikehendaki mengesahkan dan menyatakan sama ada buir-butir 'culvert' pintu masuk yang diberikan adalah mewakili satu atau kesemua 'culvert' pintu masuk atau tidak. Butir binaan untuk setiap 'culvert' pintu masuk hendaklah dapat dirujuk.
- 3.2.6 Dinding batu-bata 9"(225mm) tebal hendaklah di atas 'concrete haunching' dan hendaklah di plaster dengan simen mortar setebal ¾"(19mm) tebal. Sila tunjukkan dalam gambarajah keratan rentas.
- 3.2.7 Tebal minima 'slab culvert' pintu masuk ialah 6"(150mm) tebal. Kelebaran 'slab' perlu setakat melepasi lebar perparitan sahaja.
- 3.2.8 'Galvanised Steel Grating with hinge' sahaja hendaklah di cadangkan dengan saiz minima 450mm x 610mm dan hendaklah di tempatkan di tengah-tengah 'culvert' pintu masuk. 'Hot-dipped grating' tidak dibenarkan.
- 3.2.9 Pelan-pelan keratan rentas / keratan memanjang untuk kerja-kerja pembentung pintu masuk perlu dikemukakan.
- 3.2.10 Panjang 'wing-wall' hendaklah tidak melebihi lebar 'span culvert' pintu masuk.
- 3.2.11 Panjang 'culvert' pintu masuk hendaklah dicadangkan di antara 12'0"(3600mm) hingga 20'0"(6100mm) panjang bagi pembangunan kediaman; dan maksima 30'(9144mm) panjang bagi pembangunan stesen minyak.
- 3.2.12 Tebal konkrit asas longkang hendaklah sekurang-kurangnya 6" (150mm) tebal.
- 3.2.13 Garisan sempadan mesti ditunjukkan di dalam setiap gambarajah keratan rentas.


GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

3.3 PELAN JAMBATAN (SEKIRANYA TERLIBAT)

- 3.3.1 Kemukakan keseluruhan pelan layout dalam pelan tapak termasuk menunjukkan saiz jambatan, jajaran sungai atau parit, jajaran jalanjalan yang terlibat. Jajaran-jajaran tersebut hendaklah ditunjukkan sekurang-kurangnya 50 meter dari kedudukan jambatan.
- 3.3.2 Semua laluan utiliti seperti kabel TNB, TELEKOM, paip SYABAS tidak dibenarkan di atas jambatan kecuali kabel elektrik untuk pemasangan lampu jalan atas jambatan (jika ada).
- 3.3.3 Kedudukan tiang jambatan tidak dibenarkan berada ditengah tengah aliran sungai atau parit.
- 3.3.4 Pelan layout jambatan perlu ditunjukkan jelas ukuran lebar, panjang, kedudukan tembok penahan tebing (jika ada), abutment.
- 3.3.5 Pelan side elevation perlu menunjukkan kedudukan tiang, abutment, tembok penahan tebing, cerun tebing, paras pengiraan rekabentuk Q5, Q50, Q100, termasuk minima 'free board' dari aras bawah jambatan.
- 3.3.6 Pelan cross section dan long section hendaklah lengkap dengan rekabentuk tetulang dan kemukakan pelan butiran pada bahagianbahagian yang berkaitan.
- 3.3.7 Pelan-pelan juga perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dikenakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi yang terlibat dengan sungai dibawah seliaan pihak JPS.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.4.5 Tanda jalan seharusnya jelas beserta pantulan terutamanya penggunaan pada waktu malam.
- 3.4.6 Penggunaan *Thermoplastics Reflectorised Hot Paint* berketebalan 3mm - 5 mm bagi semua tanda jalan mematuhi (ATJ 2D/85) dan kod bahan dan warna mematuhi BS 3262
- 3.4.7 Papan Tanda Jalan perlu menggunakan kepingan "*Aluminium Alloy*" atau bahan *Composite* dengan ketebalan tidak kurang 4mm
- 3.4.8 Bahan Pelekat (Sticker) dari *Reftroreflective Sheeting* dari jenis *High Intensity Prismatic Grade*.
- 3.4.9 Tiang jenis G.I Pipe yang dicat dengan satu lapisan *Red Oxide Coating* dan satu lapisan kemasam *Protective Coating* dan mematuhi ATJ JKR2E/87
- 3.4.10 Bingkai dari *Angle Iron* lengkap dengan *plat bar* dan besi *Purlin* dari jenis G.I Pipe
- 3.4.11 Kedudukan bagi tiang papan tanda hendaklah berada di luar dari laluan pejalan kaki supaya tidak menghalang laluan dan mendatangkan bahaya kepada pejalan kaki.



- 3.4.12 Tiang papan tanda hendaklah berada pada jarak sekurang - kurangnya 3.6 meter dari tepi laluan kenderaan (road edge), bagi jalan yang tidak mencukupi, jarak unjuran struktur papan tanda di benarkan adalah tidak kurang dari 0.6 meter dari laluan kenderaan (road edge) dengan syarat tidak menghalang laluan pejalan kaki.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

3.4.13 Saiz Tiang papan tanda hendaklah bersesuaian dengan keluasan papan tanda yang didirikan sebagaimana yang ditetapkan dalam ATJ JKR.

3.4.14 Jalur Rentas Kuning (*Yellow Transverse Bar*) hendaklah dicadangkan pada lokasi yang kritikal dan mematuhi spesifikasi piawai ATJ JKR.



3.4.15 Papan tanda Chevron perlu dicadangkan di kawasan selekoh yang berbahaya.



3.4.16 Tiang boleh lentur (*Flexible Post*) boleh dicadangkan untuk penambahbaikan tambahan tahap keselamatan sesuatu lokasi.

3.4.17 Cadangan hendaklah mematuhi spesifikasi piawai kejuruteraan.



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018


- 3.4.18 Permukaan Jalan Berwarna (PJB) adalah satu kaedah redaan trafik (*Traffic Calming*) boleh dilaksanakan sebagai peringatan kepada pengguna jalan raya.



Permukaan Jalan Berwarna (PJB) menyerlahkan garisan berjalur (*hatching*).


3.5 LALUAN UTILITI

- 3.5.1 Penyediaan rezab laluan utiliti ini bertujuan untuk memandu dan merancang pembangunan rizab utiliti bagi pembangunan baru, sedia ada dan mengawal selia aktiviti penggalian jalan akibat penyelenggaraan/pembaikan utiliti supaya situasi jalan dalam keadaan baik dan perancangan/ pembangunan utiliti akan lebih teratur dan terkawal.
- 3.5.2 Pengemukaan laluan utiliti adalah bagi cadangan yang melibatkan pelebaran, pembinaan jalan baru dan menaiktaraf jalan sediaada bagi rezab jalan yang melebihi 50 kaki.
- 3.5.3 Jalan yang berezab 66 kaki dan lebih hendaklah disediakan 10 kaki Laluan Utiliti di bahu jalan seperti ditunjukkan dalam lukisan piawai pelan keratan rentas jalan.
- 3.5.4 3 set pelan dikemukakan bersama - sama pelan Jalan Perparitan
- 3.5.5 2 set softcopy dan hardcopy pelan susuratur laluan utiliti sediaada (*Utilities Mapping*) perlu dikemukakan
- 3.5.6 Pelan keratan rentas (Cross-Section) cadangan utiliti yang dibina.



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.5.7 Pelan cadangan susunatur utiliti *superimposed* keatas Pelan Susun Atur Utiliti sedia ada.
- 3.5.8 Laluan Utiliti melintas jalan DURC (*Dedicated Utilities Road Crossing*) pada jarak 250meter (Kawasan Industri) & 500 meter (Kawasan Perumahan);
- 3.5.9 **Tapping Point** bagi cadangan utiliti yang dibina ke utiliti sedia ada;
- 3.5.10 Kedudukan rezab laluan utiliti di dalam Keratan Rentas cadangan rezab jalan awam.
- 3.5.11 Lurang servis utiliti yang berada dalam laluan carriageway hendaklah di cadangkan menggunakan Pre-cast konkrit gred 50 mengikut spesifikasi dibawah:



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.5.12 Cadangan lanskap hendaklah dikordinasikan supaya tidak berada di atas laluan koridor utiliti atau, pertimbangan diberi terhadap jenis pokok yang ditanam iaitu pokok rendah bersaiz sederhana atau kecil sahaja.



- 3.5.13 Perunding / pemaju hendaklah membuat koordinasi bersama pihak/agensi utiliti bagi menetapkan kedudukan utiliti dalam Laluan Utiliti mengikut kesesuaian tapak dan utiliti sediaada.

3.6 SISTEM PENGURUSAN AIR HUJAN (SPAHL)

Rujukan utama Garispanduan Sistem Pengurusan Air Hujan DBKL adalah **Manual Saliran Mesra Alam Malaysia Edisi Kedua, 2012 (MSMA 2nd Edition)**, "Rainwater - Guideline For Installing A Rainwater Collection And Utilisation System", Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 1999 dan "Rainwater Harvesting - Guidebook Planning And Design", Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE). Jika terdapat perbezaan dalam Garispanduan Sistem Pengurusan Air Hujan DBKL, rujukan utama akan digunapakai.

3.6.1 ON-SITE STORMWATER DETENTION (OSD)

- a) Menyatakan lokasi, jenis dan saiz tangki OSD.
- b) Anjakan struktur tangki OSD sebanyak 2.3m (7 kaki 6 inci) dari garis sempadan pembangunan.
- c) Rekabentuk tangki OSD berdasarkan 10 tahun ARI.
- d) Kesemua 100% air hujan yang dijana oleh kawasan pembangunan masuk ke dalam tangki OSD sebelum disalir masuk ke longkang penerima.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- e) Tangki Sistem Penuaian Air Hujan (Rainwater Harvesting - RWH) hendaklah menunjukkan semua **elemen-elemen penting tuaian air hujan** dengan menunjukkan **arah aliran air hujan** dari "Gutter & Downpipes" masuk ke tangki Sistem Penuaian Air Hujan dan seterusnya "overflow" masuk ke dalam tangki OSD sebelum disalir keluar ke longkang penerima ("Receiving Drain") di luar pembangunan.
- f) "**Primary outlet**" dan Sistem limpahan (Secondary / Overflow "pipe/weir") dari tangki OSD disediakan mengikut perkiraan kejuruteraan (*Table 5.A3, MASMA 2nd Edition*).
- g) "Flap-gate" hendaklah dipasang di "sump" terakhir jika air daripada tangki OSD disalurkan ke sistem parit induk / sungai untuk mengelakkan berlakunya aliran balik air semula ke dalam tangki OSD ("backflow"). "Sump" hendaklah dibina di awal ("inlet") dan penghujung ("outlet") paip / pembedung kekotak sebelum memasuki parit induk.



- h) Kecuraman tangki ("bed slope") tangki OSD mestilah paling minima 2% dan tidak melebihi 10% menghala ke arah "primary outlet".
- i) **Laluan pengudaraan ("Maintenance Opening")** hendaklah disediakan bagi tangki OSD bawah tanah.
- j) "**Trash Screen**" dipasang pada "primary outlet" dan "secondary outlet/weir".
- k) Bagi tangki OSD bawah tanah, ruang penyenggaraan hendaklah disediakan. Bagi kedalaman tangki kurang 600mm, saiz ruang 750mm x 750mm dan bagi kedalaman tangki lebih 600mm, saiz ruang mestilah 900mm x 900mm.
- l) Tangga ("Step Ladders") hendaklah disediakan bagi tangki OSD yang kedalaman 1.2m atau lebih.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- m) "Invert level" hendaklah ditunjukkan di tangki OSD, "Inlet", "outlet", "discharge pipe" dan "receiver drain", dan lain-lain tempat yang tertentu.
- n) "Invert level" hendaklah ditunjukkan di tangki OSD, "Inlet", "outlet", "discharge pipe" dan "receiver drain", dan lain-lain tempat yang tertentu.
- o) Aras air tertinggi ("Top water level") bagi kadaralir 50 tahun ARI dalam tangki OSD hendaklah ditunjukkan.
- p) "Minimum freeboard" 300mm hendaklah disediakan.
- q) Untuk setiap jarak 30m, perlu menyediakan ("Maintenance Opening") bagi tangki OSD bawah tanah. (Every 30m interval).



3.6.2 KOLAM TAKUNGAN BANJIR



- a) Bagi pembangunan berfasa atau berperingkat melebihi 10 hektar, kolam takungan/tadahan perlu disediakan dan beroperasi sepenuhnya sebelum CCC dikeluarkan.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- b) Keluasan kolam takungan adalah 4% dari keseluruhan kawasan yang dibangunkan.
- c) Kolam Takungan (*Retention Pond / Wet Pond*) boleh dijadikan kolam rekreasi dan digunakan untuk tujuan riadah.
- d) Setiap pembangunan termasuk berfasa yang dibangunkan perlu menyediakan 30% daripada isipadu setoran air hujan untuk dituai semula (Sistem Penuaian Air Hujan), dan mengikut keperluan 1m^3 bagi setiap 50m^2 keluasan bumbung ($1\text{m}^3=50\text{m}^2$). Jurutera perunding hendaklah mengemukakan lampirkan ringkasan kiraan/analisis kejuruteraan.
- e) Surat akujanji (bersaksikan pesuruhjaya sumpah) daripada pemaju untuk menyelenggara kolam takungan atas tanggungan sendiri sehingga diserahkan kepada DBKL. Laporan penyelenggaraan berkala dikemukakan setiap 6 bulan kepada pihak DBKL sehingga serahan sepenuhnya dilakukan setelah projek pembinaan siap sepenuhnya (100%).
- f) Lebar rizab dan saiz kolam takungan ditandakan dalam pelan susunatur.
- g) Semua aliran air hujan yang dijana oleh kawasan yang dibangunkan mesti memasuki kolam takungan sebelum disalir keluar dari pembangunan yang dibangunkan.
- h) Air kumbahan daripada pembedungan tidak dibenarkan memasuki kolam takungan.
- i) Bagi Kolam Takungan / Tadahan "*Minimum depth storage level*" - 1.0m.
- j) Tebing kolam takungan tidak berkecuraman lebih daripada 1V:4H.
- k) "*Minimum freeboard*" 300mm ditandakan.
- l) Ketinggian maksima kolam takungan dari dasar kolam takungan hingga ke "*emergency spillway*" tidak melebihi 3.0m.
- m) "*Outlet control structure*" (kadaralir sebelum pembangunan):-
"*Primary outlet*" untuk "*minor design storm*" - Q_5 , "*Primary outlet*" untuk "*major design storm*" - Q_{50} dan "*Emergency spillway*" - Q_{100} .

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- n) Keratan rentas merentangi *"Primary Outlet"* dan *"Emergency Spillway"*.
- o) Semua *"Invert Level"* dan ukuran dinyatakan.
- p) Jalan masuk dan *"ramp"* ke kolam takungan disediakan untuk laluan mesin bagi tujuan penyelenggaraan.
- q) Perlindungan tebing kolam takungan yang diluluskan oleh jabatan.
- r) *"Gross Pollutant Trap (GPT)"* dipasang pada *"Inlet Structure"*.
- s) Setiap fasa/peringkat pembangunan yang dibangunkan hendaklah menyediakan *"Gross Pollutant Trap (GPT)"* pada longkang utama sebelum memasuki kolam takungan.
- t) Papan tanda amaran dan pagar keselamatan hendaklah dipasang di sekitar kolam takungan.



- u) Penanda aras (*stick gauge*) hendaklah dipasang berhampiran *'outlet control structure'*.
- v) *Minimum Embankment* (rujuk Bab 7, jadual 7.1, MSMA 2nd Edition).
- w) *Screw down gate* untuk mengeringkan kolam takungan (*for dry pond, refer Chapter 7, 7.2.5.1, MSMA 2nd Edition*)

3.6.3 SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (RAINWATER HARVESTING)



- a) Kapasiti setoran Air Hujan 3m^3 bagi rumah Banglo atau Semi-D, manakala setoran air hujan 1m^3 bagi rumah teres. (Skala Kecil)
- b) 30% daripada isipadu setoran air hujan hendaklah dituai semula dan mengikut keperluan 1m^3 bagi setiap 50m^2 keluasan bumbung, $1\text{m}^3=50\text{m}^2$. (Skala Sederhana dan Besar)
- c) **Pelan perincian** setoran Sistem Penuaian Air Hujan yang menunjukkan elemen-elemen asas seperti Kawasan Tadahan (Bumbung), "*Conveyance*" ("*Gutters & Downpipes*"), Sistem tapisan (Filter) dan "*First Flush Filter*", Tangki RWH, "*Booster pump*" (jika sistem graviti tidak digunakan), Paip Agihan (*Distribution Pipe*) dan lokasi penggunaan serta lain-lain keperluan seperti *Scour Pipe*, *Overflow Pipe*, Perangkap Nyamuk, "*Pressure Relief Pipe*" dan lain-lain.
- d) **Pelan perincian dan Pelan skematik** Sistem Penuaian Air Hujan hendaklah dikemukakan.
- e) Tangga (*iron step / access ladder*) hendaklah disediakan bagi tangki RWH yang berkedalaman lebih daripada 1.2m.
- f) Pastikan 100% air daripada bumbung masuk ke dalam Tangki RWH melalui sistem "*Filter*" & "*First Flush*".
- g) Saiz "*manhole cover*" yang disediakan untuk kedua-dua Kemudahan Sistem Penuaian Air Hujan (RWH) atau "*Onsite Stormwater Detention*" (OSD) adalah berukuran minimum 750mm x 750mm dan 900mm x 900mm atau 1200mm x 1200mm bergantung kepada projek.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

3.7 PERPARITAN INDUK/SUNGAI

- 3.7.1 "*Cross-section survey*" di setiap selang 20m dan "*logitudinal survey*" pada selang 150m sepanjang parit induk.
- 3.7.2 Lebar rizab dinyatakan atau ditunjukkan untuk diserahkan kepada DBKL sebagai rizab parit.
- 3.7.3 Tandakan lencongan parit yang dicadangkan dan laluan parit sediaada di dalam pelan tapak.
- 3.7.4 Menyediakan minimum rizab 15 kaki termasuk ruang penyelenggaraan (*rujuk Table 16.2, MSMA 2ND Edition*) tertakluk kepada keperluan kapasiti parit ditapak.



- 3.7.5 Jenis dan saiz parit induk atau sungai dinyatakan dan arah aliran parit induk atau sungai ditandakan.
- 3.7.6 Pemasangan "*Gross Pollutant Trap (GPT)*" perlu ditunjukkan bagi cadangan parit induk atau sungai yang disambungkan ke sungai utama.
- 3.7.7 Tangga penyelenggaraan perlu disediakan secara berselang seli bagi parit/sungai yang tebing berkecerunan maksimum bagi parit terbuka - "*concrete/brickwork/brickwork lining*" (menegak), "*stone pitching*" (1V:1.5H) dan "*grassed/vegetated*" (1V:2H).
- 3.7.8 Aras-aras "*design storm*" ditandakan (Q_5 , Q_{50} , Q_{100}).

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

- 3.7.9 Tangga penyelenggaraan perlu disediakan bagi parit/sungai yang berkedalaman lebih daripada 1.2m di setiap jarak maksimum secara berselang seli di kiri dan kanan tebing sistem perparitan induk/sungai disediakan.
- 3.7.10 Masukan semua ukuran dan "*Invert level*"
- 3.7.11 "*Minimum freeboard*" 300mm ditandakan.
- 3.7.12 Parit induk di laluan orang awam melebihi kedalaman 600mm hendaklah **ditutup** dan menyediakan ruang penyelenggaraan setiap 30m (*every 30m interval*).
- 3.7.13 Pagar keselamatan setinggi 1.2m hendaklah dipasang bagi tujuan keselamatan.
- 3.7.14 Surat akujanji (bersaksikan pesuruhjaya sumpah) daripada pemaju untuk menyelenggara parit utama/sungai atas tanggungan sendiri sehingga diserahkan kepada DBKL setelah keseluruhan pembangunan siap sepenuhnya (100%).



Borang A3
(Pindaan 2018)

PUSAT SETEMPAT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (OSC DBKL)

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN (OSC)	TARIKH TERIMA PERMOHONAN
TAJUK PEMBANGUNAN (HURUF BESAR DAN JELAS)	
	NO. RUJUKAN OSC

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN	KEGUNAAN OSC DBKL
--	--------------------------

BAHAGIAN I : JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF)	
1.	Surat Permohonan (Covering Letter). <input style="float: right;" type="checkbox"/>
2.	Borang JPIF 1 & JPIF 3 telah dilengkapkan. <input style="float: right;" type="checkbox"/>
4.	Satu naskah Kiraan Rekabentuk Perparitan / Kiraan Hidraulik yang telah disahkan dengan pengesahan piawaian kejuruteraan oleh Jurutera Perunding (Mengikut Garis panduan MSMA 2nd Edition). <input style="float: right;" type="checkbox"/>
5.	Gambar tapak dari beberapa sudut dalam saiz A3 (Setiap sudut 4 pandangan). <input style="float: right;" type="checkbox"/>
6.	Satu salinan Perintah Pembangunan beserta "DO approved Plan" (Bagi permohonan A12, A14, A16, A21 dan A24) MANDATORI UNTUK PERMOHONAN SELAIN A07, A11. <input style="float: right;" type="checkbox"/>
7.	Sesalinan pelan Ukur Kejuruteraan termasuk lot-lot bersebelahan yang disahkan oleh Juruukur bertauliah. <input style="float: right;" type="checkbox"/>
8.	Kemukakan 3 set pelan lengkap yang mengandungi : A) Pelan Jalan dan Perparitan - Nama, tandatangan dan alamat pemilik / pemaju dan perunding. - Pelan Kunci, Pelan Lokasi & Pelan Tapak menunjukkan kedudukan jalan, perparitan dan siarkaki yang dicadangkan / sediada telah ditunjukkan di atas Pelan Tapak. - Pelan keratan rentas rezab jalan, perparitan dan siarkaki minimum dua (2) menegak dan dua (2) melintang (mengikut Garis Panduan JPIF). - Pelan butiran terperinci jalan, longkang, sump, penutup longkang, slab dan lain-lain - Butiran pada pelan telah diwarnakan dengan warna berbeza dan diberikan petunjuk. B) Pelan Penanda Jalan dan Papan Tanda - Nama, tandatangan dan alamat pemilik / pemaju dan perunding. - Pelan Kunci, Pelan Lokasi & Pelan Tapak yang menunjukkan penanda jalan dan papan tanda yang dicadangkan / sediada. - Pelan butiran terperinci penanda jalan dan papan tanda <input style="float: right;" type="checkbox"/>

BORANG JPIF 1



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN – PELAN KEJURUTERAAN

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur.

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:-

.....
.....
.....
.....bagi pihak

(Nama pemunya/pemaju)

Bagi Tujuan Permohonan Kelulusan Pelan * **Kerja Tanah / Jalan Perparitan / Masma**

Lukisan No.

Kiraan-kiraan dan spesifikasi-spesifikasi adalah dikemukakan bersama-sama ini dalam tiga salinan.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk-rekabentuk, spesifikasi-spesifikasi dan perjalanan kerja tersebut.

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

Tarikh

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

BORANG JPIF 1



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur,

Saya/kami pemilik/pemaju projek yang tersebut di muka surat 1 dengan ini mengesahkan bahawa Jurutera Perunding/Arkitek tersebut dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/kami dengan ini berjanji seperti berikut :-

1. Nama dan alamat lengkap Jurutera Perunding/Akitek yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja-kerja akan dikemukakan kepada tuan kerja-kerja dimulakan di tapak.
2. Saya/kami mematuhi sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Tanah (Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur) 1988.
3. Pegawai-pegawai dari Jabatan tuan berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja setor bahan-bahan binaan dan tapak di mana kerja tersebut dijalankan.
4. Saya/kami secara bersama-sama dan berasingan dengan Jurutera Perunding/Akitek bertanggungjawab ke atas kerosakan harta benda dan lain-lain akibat dari kerja pembinaan tersebut.

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

Tarikh

PERHATIAN

Pastikan penandatangan bagi pihak Pemilik/Jurutera Perunding/Arkitek di dalam borang ini adalah sama/selaras di atas pelan-pelan

BORANG JPIF 3



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
UNDANG - UNDANG KECIL KERJA TANAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

PENGESAHAN PERLANTIKAN PERMOHONAN PELAN – PELAN KEJURUTERAAN

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur.

Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah dilantik sebagai Jurutera Perunding/Arkitek yang bertanggungjawab bagi menyelia kerja – kerja pembinaan bagi projek yang dicadangkan berikut :-

.....
.....
.....
.....bagi pihak
(Nama pemunya/pemaju)

Bagi Tujuan Permohonan Kelulusan Pelan * Kerja Tanah / Jalan Perparitan / Masma

SIL JURUTERA PROFESSIONAL :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....

Tarikh

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018

BORANG JPIF 3



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pengarah,
Jabatan Perancangan Infrastruktur,

Saya/kami pemilik/pemaju projek tersebut di muka surat 1 mengesahkan bahawa Jurutera Perunding/Arkitek tersebut telah dilantik untuk bertanggungjawab bagi menyelia kerja – kerja pembinaan projek tersebut.

COP SYARIKAT :

Tandatangan.....

Nama :

Profesion :

Alamat :

.....

.....


Tarikh

PERHATIAN

Pastikan penandatangan bagi pihak Pemilik / Jurutera Perunding / Arkitek di dalam borang ini adalah sama / selaras di atas pelan-pelan



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN 2018





Jabatan Perancangan Infrastruktur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 15-16, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-26179000 Fax : 03-26918218
www.dbkl.gov.my